



**MAJLIS AMANAH RAKYAT
(MARA)**

Bahagian Pembiayaan Perniagaan
Tingkat 8, Ibu Pejabat MARA
No. 21, Jalan Raja Laut
50609 Kuala Lumpur

Bil. MARA : UUM/BPN/010

Pendaftaran: BP 96/3 klt. 9 (33)

Tarikh : 27 Jun 2011

SURAT PEKELILING PEMBIAYAAN PERNIAGAAN MARA BIL. 7/2011

SKIM PEMBIAYAAN PERNIAGAAN (SEMA)

1. TUJUAN

1.1. Surat pekeliling ini bertujuan untuk memberi garis panduan bagi melaksanakan Skim Pembiayaan Perniagaan (SEMA) dengan diperluaskan skop kepada pesara MARA.

2. ERTI KATA

2.1 Di mana perkataan berikut digunakan dalam pekeliling ini, erti katanya adalah seperti dinyatakan di bawah:

2.1.1 "Lepasan IPMa" ialah pelajar Institusi Pendidikan MARA (IPMa) yang telah menamatkan pengajian.

2.1.2 "IPMa" ialah institusi Pendidikan MARA termasuk yang dimiliki oleh anak syarikat MARA.

2.1.3 “Pesara MARA” ialah kakitangan MARA / Anak Syarikat MARA yang berjawatan tetap dan telah bersara wajib atau bersara pilihan.

2.1.4 “Usahawan Mudah Jaya” ialah usahawan yang mempunyai tahap disiplin diri yang tinggi, berdaya saing, matang, bermotivasi dan baik kerohaniannya.

3. LATAR BELAKANG

3.1 Bahagian Pembiayaan Perniagaan (BPN) telah mengeluarkan Surat Pekeliling Skim Pembiayaan Perniagaan Lepas IPMa (SEMA) Bil. 4/2011 pada 28 April 2011 yang khusus bagi usahawan lepasan IPMa.

3.2 Mesyuarat Pengurusan MARA Bil. 9/2011 bertarikh 26 Mei 2011 telah bersetuju diperluaskan skop SEMA kepada Pesara MARA.

4. PELAKSANAAN

4.1 Had Pembiayaan ialah RM50,000.00.

4.2 Kadar Keuntungan ialah 4% setahun.

4.3 Cagaran dan Jaminan dikecualikan.

4.4 Kriteria Pemohon

4.4.1 Pelajar Lepas IPMa

- i. Memula atau mempertingkatkan perniagaan yang sama atau berkaitan dengan kursus yang diikuti di IPMa:

atau

- ii. Menjalankan perniagaan dalam bidang yang lain sekurang-kurangnya 6 bulan. Perniagaan hendaklah berdaya maju dan menepati kriteria usahawan mudah jaya.

4.4.2 Pesara MARA

- i. Menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya 6 bulan. Keperluan pembiayaan adalah untuk meningkatkan perniagaan. Perniagaan hendaklah berdaya maju dan menepati kriteria usahawan mudah jaya.

atau

- iii. Pesara yang telah mengikuti kursus Skim Latihan Galakan Pesara (SLGP) pembiayaan boleh dipertimbangkan bagi memulakan perniagaan.

4.5 Syarat Kelayakan Pemohon

4.5.1 Pelajar Lulusan IPMa.

- i. Menamatkan pengajian di IPMa dengan jayanya.
- ii. Berumur 18 tahun ke atas.
- iii. Mendapat surat sokongan daripada Pengawal Pusat di tempat menjalani latihan / belajar.

4.5.2 Pesara MARA

- i. Berumur tidak melebihi 60 tahun.
- ii. Mendapatkan surat pengesahan sebagai Pesara MARA.
- iii. Mempunyai rekod yang baik dan tiada tindakan disiplin sepanjang tempoh perkhidmatan.

4.5.3 Tempat dan lokasi perniagaan hendaklah sesuai dengan jenis perniagaan yang dijalankan dan mendapat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

4.5.4 Perniagaan telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

4.6 Pemantauan

4.6.1 Pelajar Lulusan IPMa

Pengawal Pusat IPMa yang memberi sokongan pembiayaan kepada pemohon adalah bertanggungjawab memantau kemajuan projek bersama Pegawai MARA Daerah (PMD) berkenaan.

4.6.2 Pesara MARA

Kaedah pemantauan tertakluk kepada peraturan sedia ada.

5. PEMBATALAN SURAT PEKELILING

5.1 Dengan ini Surat Pekeliling Pembiayaan Perniagaan MARA Bil. 4/2011 bertarikh 28 April 2011 adalah dibatalkan.


6. TARIKH KUATKUASA

6.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada 27 Jun 2011.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



DATUK IBRAHIM BIN AHMAD
Ketua Pengarah
MARA

”Keusahawanan dan Pendidikan Global”
“Amanah rakyat”